

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan peserta Skim FELDA Lasah, Sg Siput (U) dengan pecahan bilangan lot yang diuruskan oleh peserta asal, bilangan yang diuruskan oleh waris peserta asal dan bilangan yang diuruskan oleh pihak ketiga.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan FELDA Lasah mula dibangunkan pada tahun 1964/65 dengan jumlah peneroka seramai 387 orang peneroka (387 lot ladang). Sehingga kini, bilangan peneroka yang telah meninggal dunia adalah seramai 263 orang. Daripada sejumlah 387 lot tersebut, sebanyak 124 lot masih diuruskan oleh peneroka asal, manakala sebanyak 110 lot diurus oleh waris peneroka yang telah dilantik secara sah sama ada sebagai Pentadbir atau Pemilik. Baki sebanyak 153 lot lagi masih belum selesai proses pelantikan waris yang sah. Pada masa ini lot peneroka adalah dalam proses tanam semula yang diurus oleh anak syarikat FELDA iaitu FELDA Technoplant Sdn. Bhd.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MICHAEL JEYAKUMAR
DARIPADA DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah di tiap negeri pada tahun 2016 dengan pecahan bilangan yang telah mengadakan dua sesi sehari.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan Sekolah Rendah Kebangsaan mengikut negeri pada 31 Oktober 2016 adalah seperti berikut;

Bil.	Negeri	Bil. Sekolah Dua Sesi	Bil. Sekolah
1.	Johor	83	906
2.	Kedah	24	547
3.	Kelantan	-	418
4.	Melaka	1	237
5.	Negeri Sembilan	6	350
6.	Pahang	16	540
7.	Perak	49	852
8.	Perlis	-	74
9.	Pulau Pinang	56	271

Bil.	Negeri	Bil. Sekolah Dua Sesi	Bil. Sekolah
10.	Sabah	131	1,074
11.	Sarawak	31	1,264
12.	Selangor	232	659
13.	Terengganu	7	352
14.	WP Kuala Lumpur	15	201
15.	WP Labuan	-	17
16.	WP Putrajaya	-	14

Bilangan Sekolah Menengah mengikut negeri pada 31 Oktober 2016 adalah seperti berikut;

Bil.	Negeri	Bil. Sekolah Dua Sesi	Bil. Sekolah
1.	Johor	105	274
2.	Kedah	56	201
3.	Kelantan	5	174
4.	Melaka	3	77
5.	Negeri Sembilan	16	125
6.	Pahang	9	195
7.	Perak	92	248
8.	Perlis	-	30
9.	Pulau Pinang	35	127
10.	Sabah	93	219
11.	Sarawak	56	190
12.	Selangor	165	277
13.	Terengganu	4	149
14.	WP Kuala Lumpur	44	102
15.	WP Labuan	1	10
16.	WP Putrajaya	-	11